

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI SABAH  
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,  
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH  
YB SENATOR DR. RADZI JIDIN  
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**26 JULAI 2019  
HOTEL PACIFIC SUTERA HARBOUR, KOTA KINABALU  
SABAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie Haji Apdal**

Ketua Menteri Sabah

**Yang Berhormat Datuk Christina Liew Chin Jin**

Timbalan Ketua Menteri Sabah

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet Negeri

**Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hashim Paijan**

Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

**Yang Berbahagia Datuk Samsuni Mohd. Noor**

Setiausaha Persekutuan Sabah

Pembantu-Pembantu Menteri

**Yang Berbahagia Dato' Dr Noor Zari Hamat**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**Yang Berusaha Puan Gwendolen Vu**

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah

Yang Berbahagia Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian

Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Sabah dan Jabatan  
Persekutuan

Pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin menyampaikan salam daripada YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi beliau tidak dapat hadir bersama kita pada hari ini.
2. Syukur kepada Allah SWT, kami di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi diberi kesempatan untuk bertemu bersama Kerajaan Negeri Sabah, cukup ramai, pegawai-pegawai daripada Kerajaan Negeri Sabah. Jutaan terima kasih saya ucapkan di atas sokongan dan dokongan yang diberikan untuk menjayakan program kita pada hari ini.
3. Pertama sekali, saya sesi ini, saya kekok sedikit sebelah saya ini mentor saya. Mentor semasa saya dalam kepimpinan pelajar dulu, Datuk Seri adalah pengerusi yang menjaga pelajar-pelajar luar negara dan penglibatan saya dalam program-program kepimpinan pelajar luar negara atas asas saya di sini pada hari ini. *First time, the only one* daripada yang ramai-ramai ini yang *stay with him after he was sacked*, seingat saya. Terima kasih Datuk Seri di atas peluang kepimpinan yang diberikan dahulu dan saya hargainya.

4. Pertama sekalinya seperti mana saudara-saudari sedia maklum, sesi libat urus ini merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mendapatkan pandangan daripada semua Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia tentang RMKe-12. Kita inginkan apa aspirasi Kerajaan Persekutuan dijajarkan dengan pelan-pelan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, bagi membolehkan RMKe-12 ini dilaksanakan mulai tahun 2020-2025 dilaksanakan dengan baik dan secara menyeluruh dan memberi kesan pada seluruh rakyat Malaysia.
  
5. Jadi itulah antara tujuan utama kita adakan sesi libat urus ini dan ini merupakan sesi libat urus yang keempat. Kita bermula di Melaka, Johor, Perak, hari ini di Sabah dan esok kita akan ke Sarawak dan kita akan teruskan sesi libat urus ini untuk tempoh bulan Julai hingga bulan Ogos. Kita berharap bulan Ogos, sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri dapat diselesaikan sepenuhnya.

Saudara-saudari, tuan-tuan, puan-puan sekalian,

6. Jika kita lihat perutusan setahun YAB Perdana Menteri pada 9 Mei dalam program Perutusan Setahun Kemenangan

Kerajaan Pakatan Harapan, YAB Perdana Menteri ada menyebut, menjelaskan dan menerangkan tentang dasar Kemakmuran Bersama. Jadi saya ingin menyentuh sedikit dasar Kemakmuran Bersama ini secara umum, memandangkan ramai antara pegawai-pegawai Kerajaan Negeri pun ada bersama pada hari ini.

7. Di mana pertama sekali YAB Perdana Menteri menyebut tentang *Shared Prosperity* atau Kemakmuran Bersama ini semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 di Parlimen pada bulan Oktober 2018. Dan sewaktu perutusan setahun Pakatan Harapan, beliau menjelaskan dengan lebih lanjut tentang konsep Kemakmuran Bersama atau *Shared Prosperity* ini. Secara umumnya matlamat utama apabila bercakap tentang *Shared Prosperity* adalah supaya seluruh rakyat Malaysia dapat merasai *a decent standard of living*, satu kehidupan yang wajar pada tahun 2030. Ini sebenarnya selari dengan *sustainable development goals* yang diperkenalkan oleh United Nations tentang atau menekankan *the pride that no one should be left behind by 2030*.

8. Jadi dasar ini seperti mana yang dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri mempunyai tiga objektif utama. Saya hendak sentuh sedikit sebabnya ianya turut berkaitan dengan Negeri Sabah terutamanya.
9. Pertama sekali, objektif utama dasar ini adalah untuk merapatkan jurang ekonomi, dalam konteks pertamanya jurang antara kelas pendapatan, antara yang kaya dan yang miskin, jika kita lihat data-data menunjukkan jurang antara kaya dan miskin semakin melebar dan dalam hal ini, Kerajaan akan berusaha merapatkan jurang ini terutamanya untuk memastikan golongan berpendapatan rendah dibela dan mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi.
10. Yang kedua, adalah apabila kita bercakap tentang jurang pembangunan antara wilayah, ada wilayah-wilayah yang cukup ke hadapan, ada wilayah yang sedang membangun, ada wilayah yang ketinggalan di belakang. Jadi yang kedua ditekankan adalah untuk merapatkan jurang antara wilayah-wilayah ini. Dan kita telah tekankan dalam RMKe-11, di mana Negeri Sabah merupakan salah satu negeri yang diberi keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal RMKe-11, enam

negeri Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu. Enam negeri ini di mana peruntukan pembangunan diberi sedikit lebih tumpuan berbanding dengan negeri-negeri lain, antara lainnya untuk memastikan jurang antara wilayah ini dapat dirapatkan.

11. Yang ketiga adalah sedar atau tidak, secara realitinya masih terdapat jurang ekonomi yang luas di antara kaum dan jika kita biarkan jurang ini maka ianya tidak memberi kesan yang baik kepada sosial harmoni masyarakat Malaysia dan ini antara satu jurang lagi yang sedang dilihat untuk diusahakan supaya jurang ini semakin rapat. Itu berkaitan dengan jurang ekonomi.
12. Yang kedua objektif dasar Kemakmuran Bersama adalah untuk kita menstruktur semula ekonomi supaya ekonomi ini lebih tertumpu kepada *high value economy*. Jika kita lihat, saya selalu sentuh, saya bagi contoh secara strukturnya ekonomi negara apabila kita ambil alih, kita lihat secara struktur banyak yang masih perlu dilakukan.
13. Paling *simple* contoh selalu saya berikan adalah tentang gaji graduan dan sewaktu saya balik dari Australia pada akhir



tahun 1999. Gaji graduan pada waktu itu antara RM1,500 hingga RM2,500, itu tahun 1999. *20 years ahead* gaji graduan yang keluar pun masih RM1,500 pun ada yang sanggup terima.

14. Jadi secara strukturnya apabila kita melihat inflasi yang meningkat setiap tahun tetapi gaji graduan ini kekal, *stagnant*, maka itu memberi tekanan pada kos sara hidup, sebab itulah timbul isu tekanan kos sara hidup. Jadi secara strukturnya, kita melihat bahawa ekonomi ini perlu dilihat semula dan disusun balik supaya tumpuan lebih kepada *high value economy, high value jobs* dan sebagainya. Itu objektif kedua.
15. Yang ketiga adalah *nation building*, objektif ketiga Kemakmuran Bersama adalah menumpukan kepada *nation building*, apabila jurang ini dapat dirapatkan, apabila ekonomi dapat distrukturkan semula, maka keharmonian dapat diwujudkan dan seterusnya Malaysia menjadi sebuah negara, yang harmoni yang membangun dan menjadi paksi ekonomi Asia.

16. Jadi itulah menjadi tunjang ketiga-tiga objektif dasar Kemakmuran Bersama dan pelaksanaan ini akan dilaksanakan melalui, setakat ini ada tujuh teras yang dikenal pasti, lapan pembolehdaya dan juga 15 prinsip asas yang perlu diikuti dan dipatuhi. Itulah secara umumnya saya sentuh tentang dasar Kemakmuran Bersama yang disebut oleh YAB Perdana Menteri.
17. Dalam konteks RMKe-12 ini, penyusunan atau program RMKe-12 ini, kita melihat kepada tiga dimensi utama, dalam kita menyiapkan RMKe-12 iaitu pemerksaan ekonomi, kemampanan alam sekitar dan *social re-engineering*, perekayasaan sosial.
18. Dan apa yang kita ingin lakukan adalah RMKe-12 ini adalah selain daripada *top-down approach* maknanya daripada kepimpinan ke bawah, kita tekankan kepada *bottom-up approach* daripada bawah ke atas. Pendapat, pandangan, *feedback* daripada bawah kita ambil kira dalam merangka RMKe-12. Sebab itulah, saya cukup menghargai, pendekatan Kerajaan Negeri pada hari ini menjemput pegawai-pegawai termasuklah Pegawai Daerah, ini satu pendekatan yang baik supaya kita dapat sama-sama

mendengar dan sama-sama memahami aspirasi Kerajaan Persekutuan dan juga aspirasi Kerajaan Negeri supaya kita boleh jajarkan dalam membentuk satu Rancangan Malaysia yang utuh dan kukuh, mengambil kira pandangan semua pihak.

19. Jadi apabila kita bercakap tentang *bottom-up approach* ini bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri, pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi juga sedang melakukan sesi libat urus bersama pihak akademik, pensyarah-pensyarah universiti akademia, pihak-pihak NGO, pihak industri dan sebagainya untuk mendapat maklum balas supaya kita mengambil kira maklum balas ini dalam merangka RMKe-12.
20. Apa yang ingin kita tekankan bahawa RMKe-12 ini merupakan satu dokumen yang komprehensif, mengambil kira pandangan, pendapat, *feedback* daripada semua pihak supaya semua dapat merasai bahawa mereka adalah sebahagian daripada RMKe-12.
21. Dalam konteks ini juga, kita lihat RMKe-12 ini merupakan dokumen pertama, yang dokumen perancangan negara yang pertama dikeluarkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan

dan selepas kita menang 9 Mei, pada bulan Oktober 2018 kita lancarkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11. Waktu itu saya dimaklumkan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bulan Mei dah siap semua, Kajian Separuh Penggal. Kita pun tidak tahu kita akan menang, pihak Kementerian, pegawai-pegawai tidak sangka akan berlaku pertukaran Kerajaan, sudah siap semua *review* untuk Kajian Separuh Penggal tetapi apabila kita ambil alih Kerajaan, maka Kementerian kena lihat balik apa *review* yang telah dibuat. Oleh itu jika kita lihat RMKe-11 ini *mid-term review document* sebahagian pertama adalah apa yang telah dilaksanakan dalam RMKe-11 dan yang kedua adalah *the way forward*, itu sebahagian.

22. Tetapi RMKe-12 ini merupakan dokumen pertama perancangan negara yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Sebab itulah kita cukup mengambil berat penglibatan semua pihak dalam pembentukan dokumen ini.
23. Untuk Negeri Sabah, kita lihat seperti mana saya sebut tadi di dalam *mid-term review* RMKe-11 Sabah diberi keutamaan, jadi di bawah *Rolling Plan 4* (2019) Sabah telah diperuntukkan sejumlah RM5.01 bilion atau 9.2% daripada

jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan untuk Malaysia.

24. Jumlah ini adalah satu peningkatan sebanyak 21.3% atau sejumlah RM879 juta daripada tahun sebelumnya, tahun 2018 cuma RM4.13 bilion. 2019 kita bagi Kerajaan Negeri Sabah RM5.01 bilion, satu peningkatan yang cukup banyak untuk melaksanakan sebanyak 119 projek baharu dan 519 projek sambungan, ini bukan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sahaja tetapi melalui seluruh Kementerian.
25. Oleh yang demikian, kita akan meneruskan usaha-usaha untuk memastikan pembangunan di seluruh negara termasuklah di Negeri Sabah dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat.
26. Sedikit saya ingin sentuh tentang perkembangan ekonomi negara, pada tahun 2018 ekonomi berkembang pada kadar 4.7% iaitu di dalam jangkaan kita untuk tahun 2018 antara 4.3% hingga 4.8 %. Walaupun orang kata, ekonomi negara perlahan dan sebagainya, itu adalah sebahagian, bukan negara kita sahaja. Cabaran yang dihadapi dalam *trade war*

antara Amerika Syarikat dan China melibatkan seluruh negara, seluruh dunia.

27. Tetapi negara kita mempunyai satu asas yang kukuh, di mana *fundamentals* kita kukuh, eksport kita pun, kepelbagaian eksport membantu kita dan kepelbagaian destinasi eksport juga, kita tidak semata-mata bergantung kepada Amerika Syarikat atau China sahaja. Kita ada kepelbagaian, ini membantu kita untuk membentuk satu *buffer* dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi.
28. Namun begitu walaupun ekonomi kita baik, Kerajaan mengambil kira apa isu yang dihadapi oleh rakyat, isu-isu semasa yang dihadapi oleh rakyat dan sebab itu YAB Perdana Menteri mengambil keputusan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi pada 11 Februari 2019.
29. Majlis Tindakan Ekonomi ini adalah *action oriented* berdasarkan isu Majlis ini cuba selesaikan dan di antara keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi adalah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan merencanakan pelaburan swasta khususnya dalam industri pembinaan.

30. Di sini kita memerlukan bantuan Kerajaan Negeri sebab Majlis Tindakan Ekonomi telah membuat keputusan supaya proses urusan mendapatkan permit pembinaan dipendekkan daripada 390 hari kepada 90 hari. Ini keputusan yang baru dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi sebab antara *feedback* yang kita terima daripada pihak industri khususnya daripada pihak pembinaan adalah keperluan mendapatkan kelulusan pembinaan ini terlalu lama. Secara puratanya data menunjukkan 390 hari dan YAB Perdana Menteri cukup *concern* bahawa ini melambatkan proses pembangunan terutamanya untuk sektor swasta melibatkan diri dalam pembangunan negara. Dan telah membuat keputusan supaya ini dipendekkan kepada 90 hari.
31. Ketua Setiausaha Negara telah mengambil tindakan yang sepatutnya dan kita mohon Kerajaan-kerajaan Negeri, pihak-pihak berkuasa tempatan juga membantu Kerajaan bagi membantu kerajaan merealisasikan hasrat kita untuk mengurangkan tempoh permit pembinaan ini daripada 390 hari kepada 90 hari.
32. Berkaitan dengan sumbangan ekonomi Negeri Sabah, jika kita lihat sumbangan ekonomi Negeri Sabah kepada KDNK

nasional pada tahun 2017 adalah sebanyak 6.8%, ini merupakan peningkatan yang amat menggalakkan. Jika kita tengok dalam tempoh RMKe-11 dalam 2016 dan 2017, Sabah mencapai pertumbuhan 6.4% berbanding sasaran RMKe-11 iaitu 5.1%. Dari sudut pertumbuhan ekonomi Sabah berlaku dengan baik, berlangsung dengan baik dan ini melebihi sasaran purata nasional pada kadar 5.0%.

33. So Sabah *basically is on the right track* dari segi pertumbuhan ekonomi dan dari segi pendapatan per kapita pula, Sabah mencatatkan pendapatan per kapita sebanyak RM23,979 pada tahun 2017, lebih rendah berbanding dengan paras nasional iaitu RM42,228. Dari sudut sektor pula, antara seperti mana yang kita tahu antara sumbangan sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan Negeri Sabah adalah sektor perkhidmatan, khususnya pelancongan dan perlombongan.
34. Jika kita lihat kedua-dua sektor ini, sektor pelancongan dan perlombongan menyumbang kepada 71.2% kepada pertumbuhan Negeri Sabah pada tahun 2017. Ini satu jumlah yang besar. Industri pelancongan khususnya, menunjukkan satu perkembangan yang positif, di mana



terdapat peningkatan *significant* daripada pihak Kementerian akan bantangkan data-data selanjutnya. Peningkatan yang *significant*, jumlah pelancong asing yang menginap di hotel-hotel di Negeri Sabah, ini satu data atau perkembangan yang cukup baik.

35. Dan dalam kita melakukan sesi libat urus ini, antara penekanan yang kita berikan adalah kesedaran bahawa setiap negeri itu mempunyai kelebihan masing-masing, di setiap negeri ini, ada *inherent strength*, kekuatan masing-masing dan pada masa yang sama, kita tahu setiap negeri juga ada isu yang tersendiri yang perlu dihadapi oleh sebab itulah, *engagement* ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat, pandangan, makluman bagaimana kekuatan negeri, di mana isu-isu yang kita boleh ambil kira supaya kita dalam memastikan kekuatan negeri ini dapat dioptimumkan dalam perangkaan kita menyiapkan RMKe-12.
36. Dan antara kekuatan Negeri Sabah ini, yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa adalah khazanah alam semulajadi. Ini merupakan satu tarikan yang cukup baik, sebab itu apabila saya datang ke Sabah sebulan lepas, sekejap singgah di Sabah berjumpa dengan Unit Pembangunan Ekonomi

Negeri Sabah. Apa yang saya kata, saya di Australia lama, saya duduk di Australia 20 tahun dan Australia ini bidang pelancongan memang satu bidang yang digunakan untuk menjana pendapatan bagi setiap negeri dan saya ini pusing satu Australia daripada Melbourne ke Canberra ke Sydney dan akhir sekali ke Hobart di Tasmania.

37. Hobart adalah satu tempat paling unik, orang Malaysia jarang ke Hobart tetapi dari segi kecantikan khazanah alam semula jadi, Hobart antara negeri ataupun tempat, untuk negeri Tasmania, di mana alam semulajadi cukup baik, cukup cantik dan kerajaan negeri Tasmania ini *optimise* secukupnya kekuatan negeri mereka sehinggakan pelancongan dan *agriculture* khususnya menjadi antara penyumbang utama ekonomi Tasmania dan bagaimana mereka mengambil kesempatan sebabnya antara kekuatan adalah pelancongan dan *agriculture, fresh product*, setiap minggu ada sahaja yang dihantar balik ke Negara China, beberapa buah kapal terbang setiap minggu penuh dengan *fresh fruits*, buah-buahan, *dairies* yang dihantar ke China, bagaimana mereka mengambil peluang kepada kekuatan negeri. Dari segi pelancongan pula, segenap pelusuk

Tasmania itu digunakan untuk *maximise* produk-produk pelancongan.

38. Dan inilah saya rasa kekuatan yang ada di Negeri Sabah sebab jika kita lihat statistik terkini Sabah mencecah hampir 3 juta orang pelancong asing setahun. Itu satu Negeri Sabah dan secara peribadi, saya lihat masih lagi banyak peluang yang perlu digembleng dan diambil oleh Negeri Sabah khususnya *target* pada *high net worth individuals*.
  
39. Kekuatan Sabah ini, dekat dengan China, Philippines, Hong Kong dan sebagainya. Di mana ini merupakan satu *growth especially the high net growth individuals* yang perlu diambil kesempatan oleh Negeri Sabah. Saya ambil contoh di Australia, ada *souvenirs* dihantar, rakyat Negeri China datang atau dihantar juga, dia tinkan *fresh air from Tasmania*, udara bersih di Beijing hendak bernafas susah, tetapi di Tasmania ini, udara cukup bersih antara tempat dalam dunia, udara dan air paling bersih adalah Tasmania. Jadi dia *cankan* (tinkan) udara dan dijual balik pada China sebagai *fresh air*, ditekup dan *spray, just for the sake* untuk dapatkan *fresh air*.

40. Tapi apa saya hendak tekankan, bagaimana ia boleh gembungkan sebagai satu produk, nampak *simple* tetapi ia satu produk yang diterima oleh mereka yang mampu membelinya. Itula sebab *high end tourist* ini memainkan peranan penting dan kita amat berharap Kerajaan Negeri dapat mengambil kesempatan dalam keunikan yang ada pada negeri.
41. Dan sedikit juga, saya ingin menyentuh tentang BIMP-EAGA peluang yang boleh diambil dari Brunei, Indonesia, Malaysia and Philippines East ASEAN Growth Area yang melaksanakan program-program dan pada tahun 2017, kawasan BIMP-EAGA ini menerima pelancong seramai 88.2 juta orang dan di Sabah sahaja mencatat 39.8 juta orang, maknanya separuh daripada BIMP-EAGA ini kekuatannya di Negeri Sabah. Ini menunjukkan potensi pelancongan di Negeri Sabah dan juga apa yang ditekankan cadangan Malaysia di bawah platform BIMP-EAGA ini adalah supaya Taman Negara Kinabalu dimasukkan di bawah program perkongsian amalan terbaik berkenaan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan dunia UNESCO.

42. Program ini merupakan kerjasama di antara BIMP-EAGA dengan Northern Territory di Australia, yang dilihat dapat melonjakkan potensi pelancongan Negeri Sabah. Di Australia ini, Northern Territory sebelah atas Australia amat terkenal dengan dua taman negara iaitu Uluru-Kata Tjuta dan Kakadu National Park, ini cukup terkenal di seluruh dunia kerana mereka diiktiraf mempunyai amalan terbaik berkenaan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak-tapak warisan dunia. Jadi kita harap Sabah dapat mengambil kelebihan yang ada ini, dimanfaatkan dalam konteks BIMP-EAGA.
43. Seterusnya selain daripada industri pelancongan, Kerajaan juga akan terus menyokong Kerajaan Negeri Sabah dalam pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi, ini termasuklah projek kelompok industri berasaskan kelapa sawit (Palm Oil Industrial Cluster) di Sandakan dan Lahad Datu serta pembinaan blok dan kompleks 50 inkubator di Sabah Agro-Industrial Presint (SAIP) di Papar. Ini merupakan pemangkin kepada industri pembuatan dan pertanian di Negeri Sabah. Selain itu, pelaksanaan Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sepangar Bay yang amat kita harap dapat memberi manfaat kepada Negeri Sabah.

44. Oleh yang demikian, saya dimaklumkan telah banyak perkongsian diadakan antara pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan Kerajaan Negeri Sabah dan kita amat berharap supaya sokongan Kerajaan Persekutan dapat bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk membangunkan negeri ini dan sesi libat urus ini dapat memberi satu ruang, sebagai satu *starting point* untuk kita teruskan sesi *engagement* ini antara pihak negeri dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi supaya kita dapat menghasilkan satu dokumen yang cukup baik dan kita mahu memastikan seperti mana yang saya sebutkan tadi dokumen ini milik semua, milik rakyat Malaysia, milik Kerajaan Negeri Sabah dan juga milik rakyat Negeri Sabah itu sendiri.
45. Jadi saya rasa itu sahaja yang ingin saya sampaikan dan kita berharap apabila dibentangkan di Parlimen pada satu ketika tahun hadapan. Dokumen ini akan dapat memberikan satu gambaran yang jelas tentang pembangunan ekonomi negara mulai tahun 2021 hingga tahun 2025. Oleh itu, bila siap dokumen ini pada suku ketiga tahun depan, masuk 2021 *we are ready* untuk terus memacu pembangunan negara selaras dengan dasar Kemakmuran Bersama yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri tempoh hari.

46. Sekali lagi, saya ucapkan jutaan terima kasih di atas segala sokongan dan dokongan untuk menjayakan program pada hari ini dan terima kasih kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, pegawai-pegawai yang turut sama menjayakannya.

Sekian, Assalamualaikum WBT.